

**TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN
MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM PEMANDU SIHAT DAN
SELAMAT (PSS)**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Sumber Manusia, PERKESO, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Persatuan Perubatan Malaysia atas kerjasama strategik dalam menjayakan Program Pemandu Sihat dan Selamat atau PSS ini.
2. Program ini adalah satu contoh yang baik bahawa keselamatan jalan raya tidak boleh dilihat daripada sudut penguatkuasaan semata-mata. Ia memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan dasar pengangkutan, perlindungan sosial, kesihatan pekerjaan, peranan industri dan kesedaran setiap pemandu itu sendiri.
3. Kita boleh membina jalan yang lebih baik, mengetatkan penguatkuasaan, menetapkan standard keselamatan kenderaan yang lebih tinggi. Namun pada akhirnya, keselamatan di jalan raya tetap bergantung kepada manusia yang berada di belakang stereng.

4. Sebab itu kesihatan pemandu bukan sekadar isu kesihatan individu. Ia adalah isu keselamatan awam. Apabila seseorang pemandu tidak sihat, terlalu letih atau mempunyai masalah kesihatan yang tidak dikesan, risiko itu bukan sahaja ditanggung oleh dirinya, tetapi turut ditanggung oleh penumpang, pengguna jalan raya lain dan masyarakat keseluruhannya.

5. Perkara ini menjadi lebih kritikal bagi pemandu kenderaan perdagangan. Seorang pemandu lori bukan sekadar memandu sebuah kenderaan biasa, beliau mengendalikan kenderaan berat yang membawa muatan besar. Manakala seorang pemandu bas pula membawa puluhan penumpang yang menyerahkan keselamatan mereka kepada keupayaan dan kecergasan pemandu tersebut.

6. Dalam konteks ini, tahap kesihatan pemandu memberi kesan secara langsung kepada keselamatan jalan raya. Jika pemandu mengalami masalah tekanan darah yang tidak terkawal, diabetes, gangguan penglihatan, masalah pendengaran, keletihan melampau atau gangguan tidur, semua ini boleh menjejaskan keupayaan beliau untuk memandu dengan selamat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Kita juga sering mendengar mengenai fenomena *microsleep*, iaitu keadaan di mana seseorang tertidur secara tidak sedar untuk tempoh beberapa saat ketika memandu. Tempohnya mungkin kelihatan singkat, tetapi pada kelajuan lebuh raya, beberapa saat itu sudah cukup untuk menyebabkan kenderaan hilang kawalan, terbabas atau merempuh kenderaan lain.

8. Dalam kes kenderaan berat atau bas ekspres, kesan daripada kehilangan kawalan selama beberapa saat boleh menjadi amat besar. Ia boleh melibatkan kehilangan nyawa, kecederaan parah, kerosakan harta benda dan trauma kepada keluarga mangsa. Sebab itu kita tidak boleh memandang ringan isu keletihan dan tahap kesihatan pemandu.

9. Selain *microsleep*, gangguan tidur seperti Obstructive Sleep Apnea atau OSA, keletihan kronik dan penyakit tidak berjangkit juga boleh meningkatkan risiko kemalangan. Ini menunjukkan bahawa pemeriksaan kesihatan bukan satu proses pentadbiran semata-mata, tetapi satu langkah pencegahan yang penting dalam melindungi nyawa.

10. Kita tidak boleh menunggu sehingga kemalangan berlaku baru hendak bertindak. Pendekatan yang lebih

bertanggungjawab ialah mengenal pasti faktor risiko lebih awal, membantu pemandu mendapatkan nasihat dan rawatan yang sesuai, serta memastikan hanya pemandu yang benar-benar sihat dan layak berada di jalan raya.

11. Statistik PERKESO turut memberi peringatan yang jelas kepada kita. Kes maut melibatkan pengguna kenderaan perdagangan meningkat sebanyak 22.3 peratus kepada 115 kes pada tahun 2025 berbanding 94 kes pada tahun sebelumnya.

12. Angka ini bukan sekadar statistik. Di sebalik setiap angka, ada keluarga yang kehilangan suami, ayah, anak atau pencari nafkah. Di sebalik setiap kemalangan, ada kos sosial dan ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh keluarga, majikan, industri dan negara.

13. Oleh itu, Program Pemandu Sihat dan Selamat ini sangat tepat pada masanya. Ia mengangkat satu mesej yang penting, iaitu keselamatan jalan raya bermula sebelum enjin kenderaan dihidupkan, memastikan pemandu berada dalam keadaan sihat, cergas dan mampu memandu dengan selamat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Saya juga ingin menjelaskan dengan tegas bahawa program yang dilancarkan pada hari ini bukanlah untuk memperkenalkan syarat baharu kepada pemandu kenderaan perdagangan. Pemeriksaan kesihatan bagi pemegang lesen vokasional, termasuk PSV dan GDL, telah pun lama diwajibkan sebagai sebahagian daripada proses pelesenan.

15. Apa yang kita lakukan hari ini ialah menambah baik cara pelaksanaannya. Dengan kerjasama antara MOT, KESUMA, PERKESO, JPJ dan Persatuan Perubatan Malaysia, proses pemeriksaan kesihatan ini akan menjadi lebih mudah, lebih tersusun, lebih cepat dan lebih telus.

16. Melalui integrasi digital antara sistem JPJ, PERKESO dan klinik panel, proses pengesahan pemeriksaan kesihatan dapat diperkemas. Ini dapat mengurangkan birokrasi, mempercepatkan urusan pemandu dan membantu agensi kerajaan membuat pemantauan dengan lebih berkesan.

17. Pada masa yang sama, Kerajaan juga membantu mengurangkan beban kos pemeriksaan melalui sokongan kewangan kepada pemandu yang layak. Ini penting kerana kita mahu pematuhan kepada syarat keselamatan dilaksanakan tanpa membebankan golongan pemandu, khususnya mereka

yang bergantung kepada pekerjaan memandu sebagai sumber pendapatan utama.

18. Saya menyeru semua pengusaha bas, lori dan syarikat pengangkutan supaya memberikan sokongan penuh kepada program ini. Pemeriksaan kesihatan tidak wajar dilihat sebagai satu beban pentadbiran, tetapi sebagai satu pelaburan keselamatan untuk melindungi pekerja, penumpang, pengguna jalan raya dan reputasi industri pengangkutan negara.

19. Kepada para pemandu, saya ingin nyatakan bahawa program ini bukan untuk menyusahkan saudara dan saudari. Sebaliknya, ia bertujuan untuk menjaga kebajikan dan keselamatan saudara dan saudari. Pemandu yang sihat bukan sahaja dapat bekerja dengan lebih selamat, malah dapat terus menyara keluarga dengan lebih baik dan lebih panjang.

20. Kepada pihak majikan pula, penjagaan kesihatan pemandu perlu menjadi sebahagian daripada budaya keselamatan syarikat. Keselamatan mesti bermula daripada pengurusan jadual kerja yang munasabah, rehat yang mencukupi, pematuhan kepada peraturan dan sokongan terhadap pemeriksaan kesihatan berkala.

21. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini terus diperkukuh demi keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan pemandu serta seluruh pengguna jalan raya.

22. Dengan itu, sukacitanya saya melancarkan Program Pemandu Sihat dan Selamat.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]